

22/01/1998

Jentera kerajaan negeri ditingkat

SEREMBAN, Rabu - Kerajaan negeri hari ini, menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Pentadbiran bagi mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan mencegah perbuatan salah laku, terutama rasuah.

Penubuhan jawatankuasa itu juga berikutan arahan kepada semua kerajaan negeri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata, beliau sendiri mempengerusikan jawatankuasa itu yang dijangka mengadakan mesyuarat pertama selepas Aidilfitri.

"Penubuhan jawatankuasa itu bukan hanya untuk menangani masalah rasuah, tetapi mempertingkatkan keberkesanan, kecekapan dan ketelusan perkhidmatan awam," katanya selepas mesyuarat Exco di Wisma Negeri, hari ini.

Mohd Isa menyifatkan arahan Kerajaan Pusat itu sebagai bijak dan tepat pada masanya.

(END)